



JABATAN BENDAHARI
BURSAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3200/3221/3255
Faks (Fax): 604-928 3299
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

KEDAH AMAN MAKMUR •BERSAMA MEMACU TRANFORMASI

BEND20150511-KB0792
11 Mei 2015

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2015

Semua Penolong Naib Canselor/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Utara Malaysia

Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL KE ATAS KEMUDAHAN PINJAMAN
KENDERaan DAN KOMPUTER UUM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa dengan serta merta staf yang memohon kemudahan pinjaman Universiti dikehendaki mengambil skim perlindungan takaful ke atas pinjaman tersebut. Ini bertujuan melindungi pinjaman tersebut sekiranya berlaku kematian kepada sipeminjam. Peraturan yang berkuatkuasa masakini, sekiranya peminjam meninggal dunia baki hutang yang belum selesai akan dituntut dari pinjaman atau waris simati. Keadaan ini sedikit sebanyak akan membebankan pihak waris yang mungkin kurang berkemampuan tambahan pula setelah kehilangan ahli keluarga.

Untuk tujuan tersebut Universiti telah pun melantik dua (2) buah syarikat yang menawarkan perkhidmatan perlindungan takaful dan staf perlu membuat pilihan semasa mengisi memorandum penerimaan tawaran pembiayaan di Jabatan Bendahari. Syarikat tersebut adalah:

- i) Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- ii) Syarikat Etiqa Takaful Berhad

Jumlah premium yang dikenakan bergantung kepada jumlah dan tempoh pinjaman serta umur peminjam ketika mengemukakan permohonan. Jumlah tersebut akan menjadi tambahan kepada jumlah pinjaman yang dipohon/diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman Universiti. Bersama-sama ini dilampirkan jadual pengiraan kadar premium oleh kedua-dua syarikat tersebut sebagai panduan, tidak termasuk cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



Sehubungan dengan itu dipohon kerjasama Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan membuat hebahan hal ini kepada semua staf di bawah Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah


(HJ AMRON BIN MAN)
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k -YBhg. Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak
 -YBerusaha Timbalan-timbalan Naib Canselor
 -Edaran